



## LKPP CORPORATION SDN BHD

199769-V

### POLISI MSPO

LKPP Corporation Sdn. Bhd akan berusaha untuk memastikan dan mengamalkan standard Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) untuk pengeluaran produk kelapa sawit yang lestari di Malaysia.

Syarikat komited untuk berusaha mematuhi prinsip-prinsip utama di dalam MSPO seperti berikut:-

1. Komitmen Dan Tanggungjawab Pihak Pengurusan.
2. Ketelusan.
3. Pematuhan Kepada Keperluan Undang-Undang.
4. Tanggungjawab Sosial, Kesihatan, Keselamatan Dan Keadaan Pekerjaan.
5. Tanggungjawab Terhadap Alam Sekitar, Sumber Asli, Biodiversiti Dan Ekosistem.
6. Amalan Yang Terbaik.
7. Pembangunan Penanaman Semula.

LKPP Corporation Sdn. Bhd. juga komited untuk mengamalkan penambahbaikan berterusan dan keterbukaan dengan memanfaatkan tiga teras pengeluaran iaitu Keuntungan, Kelestarian Alam Sekitar dan Kesejahteraan Masyarakat untuk memastikan pengeluaran berterusan yang lestari bagi produk-produk kelapa sawit LKPP Corporation Sdn. Bhd.

Pematuhan arahan dalam polisi ini adalah tertakluk kepada semua anggota perkhidmatan LKPP Corporation Sdn. Bhd. dan semua pihak yang berkepentingan dalam Syarikat serta pelawat yang memasuki ladang atau premis Syarikat.



AHMAD SHAHRIR BIN MAZLAN  
Timbalan Pengurus Besar  
b/p Pengurus Besar

2 November 2020

No. 1/2018



**LKPP CORPORATION SDN BHD**  
199769-V

**POLISI SOSIAL**

LKPP Corporation Sdn. Bhd. mengiktiraf bahawa keperluan pembangunan seharusnya memberi manfaat sosial kepada semua pihak selaras dengan prinsip dan kriteria yang di tetapkan oleh MSPO (Malaysian Sustainable Palm Oil).

Sehubungan dengan itu Syarikat adalah komited untuk mematuhi prinsip yang digariskan sepertimana berikut :-

- ❖ Mengenalpasti melalui perbincangan sebarang faedah sosial yang perlu dan mengenalpasti bagaimana ianya dapat memberi kebaikan bersama kepada Syarikat dan masyarakat setempat.
- ❖ Memastikan sebarang perundingan berkenaan pampasan di atas kehilangan hak tanah pesaka pribumi diuruskan dengan sistem yang telah didokumentasikan yang membolehkan penduduk pribumi, masyarakat setempat dan semua pihak yang terlibat dengan Syarikat memberikan pendapat dan menyuarakan pandangan mereka melalui institusi atau perwakilan pilihan mereka.
- ❖ Membentuk dan melaksanakan satu polisi untuk mengelakkan gangguan seksual dan segala bentuk kekerasan terhadap wanita serta untuk melindungi hak reproduktif mereka.
- ❖ Syarikat tidak membenarkan mana-mana individu di bawah 18 tahun diambil bekerja di premis berpandukan undang-undang semasa. Walaubagaimanapun, individu 18 tahun dibenarkan membantu dengan adanya pengawasan orang dewasa (penjaga), di mana bagi sebarang bentuk kemalangan adalah tanggungjawab penjaga kanak-kanak berkenaan dan LCSB tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecelakaan.
- ❖ Syarikat harus menghormati hak semua warga kerja untuk menubuhkan dan menyertai kesatuan sekerja pilihan mereka serta untuk berunding secara kolektif.
- ❖ LCSB tidak mengamalkan sistem buruh paksa atau mengeksplotasi buruh kanak-kanak.

Pematuhan arahan dalam polisi ini adalah tertakluk kepada semua anggota perkhidmatan LKPP Corporation Sdn. Bhd. dan semua pihak yang berkepentingan dalam Syarikat serta pelawat yang memasuki ladang atau premis Syarikat.

**AHMAD SHAHRIR BIN MAZLAN**  
Timbalan Pengurus Besar  
b/p Pengurus Besar

2 November 2020

No. 2/2018



## LKPP CORPORATION SDN BHD

199769-V

### POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

LKPP Corporation Sdn. Bhd. adalah bertanggungjawab dalam menyediakan satu suasana dan persekitaran pekerjaan yang sihat dan selamat kepada semua anggota perkhidmatan, pelanggan, kontraktor, pembekal dan orang awam yang bekerja dan berurusan di ladang/ kilang LCSB selaras dengan prinsip dan kriteria yang ditetapkan oleh MSPO (Malaysian Sustainable Palm Oil).

Kami bertanggungjawab dalam :-

- ❖ Memastikan segala peraturan yang termaktub dalam Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerja 1994 (Akta 514) dipatuhi dengan sepenuhnya ;
- ❖ Melindungi semua pihak yang bekerja dan berurusan dengan kami daripada kemalangan dan kecederaan melalui langkah-langkah pencegahan yang bersesuaian.
- ❖ Menjadi iltizam dan komitmen kami untuk memastikan pekerja kami mengutamakan "KESELAMATAN" dalam melaksanakan pekerjaan masing-masing dan mempunyai tanggungjawab dan akauntabiliti ke atas keselamatan diri mereka dan keselamatan orang lain di sekeliling mereka termasuk orang awam.

Bagi memastikan matlamat dan komitmen kami ini di capai, kami akan :-

- i. Menyediakan maklumat dan arahan keselamatan ;
  - ii. Menyediakan latihan dan pendedahan kepada semua pekerja secara berterusan ke arah memupuk Budaya Kerja Yang Sihat dan Selamat ;
  - iii. Menyediakan pekerja kami dengan Pakaian Pelindung Diri (PPE) yang sesuai dan mencukupi.
- ❖ Pihak Syarikat akan melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pihak berwajib dalam apa jua keadaan mengenai pelanggaran undang-undang yang melibatkan anggota perkhidmatan dan harta benda syarikat.

Pematuhan arahan dalam polisi ini adalah tertakluk kepada semua anggota perkhidmatan LKPP Corporation Sdn. Bhd. dan semua pihak yang berkepentingan dalam Syarikat serta pelawat yang memasuki ladang atau premis Syarikat.

  
AHMAD SHAHRIR BIN MAZLAN  
Timbalan Pengurus Besar  
b/p Pengurus Besar

2 November 2020

No. 3/2018



## LKPP CORPORATION SDN BHD

199769-V

### POLISI PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR DAN KEPELBAGAIAN BIODIVERSITI

LKPP Corporation Sdn. Bhd. mengiktiraf bahawa keperluan pembangunan seharusnya memberi manfaat sosial kepada semua pihak selaras dengan prinsip dan kriteria yang ditetapkan oleh MSPO (Malaysian Sustainable Palm Oil).

Bagi memelihara alam sekitar dan melindungi kepelbagaian biodiversiti, Syarikat dengan ini komited untuk :-

- ❖ Mematuhi semua peruntukan undang-undang, kanun dan pihak-pihak yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar dan perlindungan kepelbagaian biodiversiti.
- ❖ Mewujudkan, mengekalkan dan menambahbaik sistem pengurusan perladangan selaras dengan keperluan untuk pemeliharaan alam sekitar dan perlindungan kepelbagaian biodiversiti.
- ❖ Mendidik dan meningkatkan kesedaran pihak-pihak yang berkepentingan tentang pemeliharaan alam sekitar dan kepelbagaian biodiversiti melalui penerangan dan latihan.
- ❖ Menguatkuasakan amalan pembakaran sifar dalam operasi perladangan dan melarang sebarang bentuk pembakaran terbuka di dalam kawasan premis syarikat.
- ❖ Mengamalkan sistem pelupusan sampah yang mesra alam dan pelupusan sisa berjadual yang bertanggungjawab dan sistematik.
- ❖ Mengikut dan melaksanakan Amalan Pertanian Baik (GAP)/ Amalan Perkilangan Baik (GMP) yang telah digariskan dalam Manual Perladangan/ Kilang LKPP Corporation SDN. BHD.
- ❖ Merancang, menilai dan melaksanakan tindakan yang bersesuaian bagi mengurangkan impak kepada aspek alam sekitar ekoran dari aktiviti-aktiviti syarikat.
- ❖ Menghindarkan pencemaran serta meningkatkan mutu pengurusan alam sekitar.

Pematuhan arahan dalam polisi ini adalah tertakluk kepada semua anggota perkhidmatan LKPP Corporation Sdn. Bhd. dan semua pihak yang berkepentingan dalam Syarikat serta pelawat yang memasuki ladang atau premis Syarikat.

**AHMAD SHAHRIR BIN MAZLAN**  
Timbalan Pengurus Besar  
b/p Pengurus Besar

2 November 2020

No. 4/2018



## LKPP CORPORATION SDN BHD

199769-V

### POLISI KUALITI

LKPP Corporation Sdn. Bhd. dan seluruh anggotanya memandang tinggi ke atas kualiti produk dan perkhidmatan kami. Komitmen kami sebagai warga korporat yang bertanggungjawab adalah untuk menjamin aktiviti perniagaan perladangan dijalankan tanpa bertolak ansur dalam kualiti.

Pihak syarikat komited untuk memberikan produk dan perkhidmatan berkualiti. Kami berusaha untuk kecemerlangan, bertekad untuk menawarkan produk dan kriteria yang ditetapkan oleh MSPO (Malaysian Sustainable palm Oil).

Dalam merealisasikan kualiti, pihak kami akan :-

- ❖ Memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.
- ❖ Mematuhi tatacara semua peraturan dan perundangan.
- ❖ Menambahbaik kualiti proses, produk dan perkhidmatan kami secara berterusan.
- ❖ Mewujudkan budaya kecemerlangan kualiti di kalangan semua pihak yang berkaitan dengan Syarikat.
- ❖ Menerapkan aspek keselamatan dalam setiap aktiviti dan produk kami dengan mementingkan aspek perlindungan alam sekitar dan pemeliharaan kepelbagaian biodiversiti.

Pematuhan arahan dalam polisi ini adalah tertakluk kepada semua anggota perkhidmatan LKPP Corporation Sdn. Bhd. dan semua pihak yang berkepentingan dalam Syarikat serta pelawat yang memasuki ladang atau premis Syarikat.

**AHMAD SHAHRIR BIN MAZLAN**  
Timbalan Pengurus Besar  
b/p Pengurus Besar

2 November 2020

No. 5/2018



## **LKPP CORPORATION SDN BHD**

199769-V

### **POLISI PENGURUSAN GANGGUAN SEKSUAL, KEGANASAN DAN DISKRIMINASI DI TEMPAT KERJA**

LKPP Corporation Sdn. Bhd. akan memberi perhatian sepenuhnya untuk melindungi hak-hak pekerja, pematuhan terhadap undang-undang dan perjanjian berlandaskan polisi-polisinya dengan menggunakan komponen-komponen polisi utama di dalam operasi dan pengurusan dan syarikat bagi proses pengeluaran minyak sawit mampan, selaras dengan prinsip dan kriteria yang ditetapkan oleh MSPO (Malaysian Sustainable Palm Oil).

Syarikat akan mematuhi peruntukan undang-undang semasa dan lain-lain keperluan yang berkaitan. Selaras dengan polisi ini, Syarikat akan :-

- ❖ **Berusaha mencegah sebarang gangguan seksual dan lain-lain bentuk keganasan terhadap kaum wanita, pekerja dan komuniti.**
- ❖ **Mewujudkan prosedur dan mekanisme spesifik yang diterima oleh semua pihak dalam menangani aduan dan rungutan tentang isu-isu berkaitan jantina.**
- ❖ **Menyediakan latihan dan pembangunan yang mencukupi bagi meningkatkan kesedaran, kemahiran dan kefahaman pekerja tentang polisi ini.**
- ❖ **Menyedia dan mewujudkan peluang untuk membangunkan kepimpinan pekerja wanita di semua peringkat.**
- ❖ **Memastikan penyertaan berkesan kaum wanita di dalam proses membuat keputusan dengan menggalakkan mereka menyertai jawatankuasa-jawatankuasa sedia ada seperti Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau lain-lain.**
- ❖ **Polisi ini diterangkan dan difahami oleh semua pekerja termasuk pekerja kontraktor luar dan pihak berkepentingan yang lain.**

Pematuhan arahan dalam polisi ini adalah tertakluk kepada semua anggota perkhidmatan LKPP Corporation Sdn. Bhd. dan semua pihak yang berkepentingan dalam Syarikat serta pelawat yang memasuki ladang atau premis Syarikat.

**AHMAD SHAHRIR BIN MAZLAN**  
Timbalan Pengurus Besar  
b/p Pengurus Besar

2 November 2020

No. 6/2018



## LKPP CORPORATION SDN BHD

199769-V

### POLISI PERLINDUNGAN CERUN DAN SUNGAI

LKPP Corporation Sdn. Bhd. komited untuk perlindungan alam sekitar dan memelihara cerun dan sungai selaras dengan prinsip dan kriteria yang ditetapkan oleh MSPO (Malaysian Sustainable Palm Oil).

#### ❖ Perlindungan Cerun

Kawasan yang berkecerunan  $>25^\circ$  mesti dikecualikan daripada sebarang aktiviti pembangunan perladangan dan penanaman semula.

Menanam kekacang penutup bumi yang baik.

Mengekalkan atau menggalakkan pertumbuhan penutup bumi asli yang sesuai seperti rumput-rumput lembut di kawasan yang sukar untuk membentuk litupan kekacang penutup bumi yang baik.

Mengadakan teres atau lain-lain kaedah untuk mengurangkan hakisan dan larian tanah permukaan mengikut kesesuaian setempat.

#### ❖ Zon Penampian Sungai

Zon penampian harus dikekalkan di kedua-dua belah tebing sungai seperti jadual di bawah:-

Lebar Sungai (m)	<5	5-10	11-20	21-40	>40
Zon Penampian (Kedua-dua belah tebing sungai)	5m	10m	20m	40m	50m

- atau mengikut peruntukan dan undang-undang setempat.

Kawasan sedia ada yang tidak memenuhi kriteria di atas wajib mematuhi garis panduan ini semasa aktiviti penanaman semula masa akan datang.

Mengadakan zon penampian yang bersesuaian di kedua-dua belah tebing sungai, untuk menapis sebarang bahan asing yang berupaya mencemarkan sungai. Amalan ini akan dikuatkuasakan di kesemua kawasan pembukaan baru.

#### ❖ Inisiatif Kawalan Pencemaran Sungai

Mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP) dalam operasi perladangan dengan mengambilkira potensi pencemaran terutama dalam pembinaan jalan, teres atau parit, pengurusan pembajaan dan penggunaan bahan kimia dalam pengawalan rumpai dan makhluk rosak.

Pematuhan arahan dalam polisi ini adalah tertakluk kepada semua anggota perkhidmatan LKPP Corporation Sdn. Bhd. dan semua pihak yang berkepentingan dalam Syarikat serta pelawat yang memasuki ladang atau premis Syarikat.

  
AHMAD SHAHRIR BIN MAZLAN  
Timbalan Pengurus Besar  
b/p Pengurus Besar

2 November 2020

No. 7/2018